

Mangsa kemalangan berhak menuntut ganti rugi

SABAN hari, Muhammad Azhar Ismail, 33, menunggang motosikal dari rumahnya di Seremban ke pejabat yang terletak di Lukut, Negeri Sembilan.

Muhammad Azhar yang bertugas sebagai pemandu lori itu gemar menggunakan Jalan Persekutuan Mambau-Port Dickson yang mengambil masa hampir setengah jam.

Pada suatu hari, motosikal yang ditunggangi terlanggar lopak besar sehingga menyebabkan dia jatuh di atas jalan raya.

Kemalangan tersebut telah menyebabkan tangan kanannya patah. Motosikalnya pula mengalami kerosakan teruk.

Disebabkan itu, dia terpaksa mengeluarkan wang simpanannya sebanyak RM3,000 untuk membayar kos perubatan dan membaiki motosikal.

Muhammad Azhar tidak tahu, dia boleh membuat tuntutan ganti rugi atau pampasan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertanggungjawab menyelia jalan tersebut.

Aktivistis jalan raya, Azlan Sani Zawawi berkata, ramai mangsa kemalangan tidak sedar mereka boleh membuat tuntutan ganti rugi sekiranya jelas kemalangan yang berlaku disebabkan oleh kecuaihan pihak PBT atau konsesi lebuhraya.

Katanya, kecuaihan tersebut merangkumi kerosakan jalan raya dan kewujudan objek asing di atas jalan raya sehingga menjadi penyebab kepada berlakunya kemalangan.

"Pengguna jalan raya boleh mengemukakan tuntutan ganti rugi kepada pihak PBT atau konsesi lebuhraya sekiranya berlaku kecuaihan daripada pihak terbabit.

"Namun, ramai mangsa kemalangan tidak membuat tuntutan sehingga menyebabkan pihak PBT atau konsesi lebuhraya berasa selesa," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Baru-baru ini, *Kosmo!* melaporkan Mahkamah Sesyen Sivil Ipoh mengarahkan PLUS Malaysia Berhad (PLUS) membayar sebanyak RM158,961 kepada bapa, Allahyarham Imran Kamali Ahmad Nadzirin yang maut dalam kemalangan.

Motosikal jenis Harley Davidson yang ditunggangi mangsa terbabas di Kilometer 342.6 Lebuhraya Utara-Selatan arah selatan di Tapah dipercayai akibat melanggar bongkah kayu pada 29 April 2015.

Azlan Sani yang juga pengasas Ikatan



LOPAK yang terdapat di atas jalan raya boleh membahayakan pengguna jalan raya. — Gambar hiasan



MANGSA kemalangan berhak menuntut ganti rugi sekiranya terdapat bukti jelas kecuaihan oleh pihak PBT dan konsesi lebuhraya. — Gambar hiasan

PLUS diarah bayar ganti rugi



KERATAN *Kosmo!* 17 Jun 2017.

Silaturahim Brotherhood (Brotherhood) bagaimanapun memberitahu, proses tuntutan ganti rugi oleh mangsa kemalangan terhadap PBT atau konsesi lebuhraya sangat rumit.

Birokrasi

Katanya, mangsa kemalangan perlu melalui pelbagai keronah birokrasi selain proses percubaan mahkamah yang memakan masa selama bertahun-tahun sebelum layak mendapat ganti rugi daripada pihak terbabit.

"Salah satu faktor mangsa kemalangan enggan membuat tuntutan kepada pihak PBT atau konsesi lebuhraya adalah disebabkan prosesnya yang sangat rumit.

"Kebanyakan mangsa juga tidak sanggup untuk membayar yuran guaman dan naik turun mahkamah bagi mengemukakan tuntutan ganti rugi," terangnya yang juga seorang pelakon.

Azlan Sani memberitahu, mangsa kemalangan yang ingin menuntut ganti rugi kepada pihak PBT atau konsesi lebuhraya perlu mengemukakan pelbagai dokumen penting sewaktu membuat tuntutan.

Antaranya ialah laporan polis, salinan insurans kenderaan, salinan kad pengenalan mangsa, salinan cuiko jalan raya kenderaan, resit bayaran perubatan dan sebut harga nilai

kerosakan kenderaan.

"Laporan polis yang dibuat perlulah menunjukkan bahawa punca kemalangan adalah disebabkan kecuaihan pihak PBT atau konsesi lebuhraya.

"Mangsa juga perlu mengambil gambar kerosakan kenderaan bersama lopak atau objek asing yang menyebabkan kejadian kemalangan itu berlaku," katanya.

Pihak Brotherhood turut menyediakan khidmat guaman yang terdiri daripada ahlinya kepada mangsa-mangsa kemalangan yang ingin membuat tuntutan ganti rugi.

Sementara itu, Ketua Program Psikologi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Rozmi Ismail menyeru orang ramai supaya tidak mendiadakan diri apabila terbabit dalam kemalangan yang disebabkan oleh kecuaihan pihak PBT dan konsesi lebuhraya.

Katanya, langkah tersebut bukan bertujuan untuk menuntut wang ringgit semata-mata, sebaliknya ia diharap dapat menyedarkan pihak terbabit supaya tidak cuai atau ambil mudah dalam aspek penyelenggaraan jalan raya.

"Selagi mangsa kemalangan terus mendiadakan diri, selagi itu pihak terbabit akan mengambil mudah mengenai aspek penyelenggaraan jalan raya di bawah jaguan mereka.

"Situasi ini akan menyebabkan lebih ramai pengguna jalan raya akan menjadi mangsa kemalangan. Ia perlu dihentikan dengan segera sebelum lebih banyak nyawa melayang," jelasnya.

Rozmi turut menggesa supaya pihak Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MKJR) mengadakan kempen kesedaran kepada masyarakat mengenai hak mereka untuk menuntut ganti rugi.

Katanya, MKJR juga harus menyediakan khidmat bantuan teknikal dan nasihat kepada pengguna jalan raya yang berniat membuat tuntutan ganti rugi.



ROZMI



AZLAN SANI